



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No.20

24hb September 2020

TAMBAHAN
No. 2

No. 735.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

FATWA DAN PEMBATALAN FATWA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembatalan

2. Fatwa Tentang Merokok yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Pg. P.U. 25.* bertarikh 18 November 2004 dibatalkan menurut kuasa yang diberikan oleh subseksyen 50(1) *Enakmen 2.*

JADUAL

FATWA MENGENAI PENGHARAMAN ROKOK, SHISHA, VAPE DAN ROKOK ELEKTRONIK

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2013 dan Bil.5/2018 telah membincangkan mengenai Pengharaman Rokok, Shisha, Vape Dan Rokok Elektronik. Fatwanya adalah seperti berikut:

1. Bahawa menghisap apa jua jenis rokok, shisha, vape dan rokok elektronik adalah haram dari pandangan Islam kerana:
 - a) Al-Quran melarang melakukan perbuatan yang membawa kepada kebinasaan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: "*Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan*";
 - b) Rasulullah SAW juga melarang daripada melakukan perbuatan yang membawa kepada kemudarat pada diri sendiri dan orang lain sebagaimana hadis yang bermaksud: "*Tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan memberikan kemudarat pada orang lain*";
 - c) Memudaratkan kesihatan;
 - d) Membazirkan masa dan harta;
 - e) Satu perbuatan buruk dan keji; dan
 - f) Untuk mencegah daripada berlaku kerosakan terhadap agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dengan menutup pintu ke arahnya sejak awal lagi berdasarkan Kaedah Fiqhiyyah "Menutup pintu kerosakan".
2. Mana-mana orang Islam adalah diharam dan dilarang daripada terlibat dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan apa-apa jenis rokok, shisha, vape dan rokok elektronik.
3. Mana-mana orang Islam adalah dilarang daripada bersubahat dalam melakukan mana-mana perkara yang dilarang dalam perenggan 2.

Bertarikh 11 Disember 2019.

[JMNPP/(S)/1101/002 Klt.2 (13); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld.6]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti
Kerajaan Negeri Pulau Pinang

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA AND REVOCATION OF FATWA

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

Revocation

2. The *Fatwa* On Smoking published in the Government *Gazette* Pg. P.U. 25. dated 18 November 2004 is revoked pursuant to the powers conferred by subsection 50(1) of Enactment 2.

SCHEDULE

FATWA MENGENAI PENGHARAMAN ROKOK, SHISHA, VAPE DAN ROKOK ELEKTRONIK

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2013 dan Bil.5/2018 telah membincangkan mengenai Pengharaman Rokok, Shisha, Vape Dan Rokok Elektronik. Fatwanya adalah seperti berikut:

1. *Bahawa menghisap apa jua jenis rokok, shisha, vape dan rokok elektronik adalah haram dari pandangan Islam kerana:*
 - a) *Al-Quran melarang melakukan perbuatan yang membawa kepada kebinasaan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”;*
 - b) *Rasulullah SAW juga melarang daripada melakukan perbuatan yang membawa kepada kemudarat pada diri sendiri dan orang lain sebagaimana hadis yang bermaksud: “Tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan memberikan kemudarat (kepada orang lain)”;*
 - c) *Memudaratkan kesihatan;*
 - d) *Membazirkan masa dan harta;*
 - e) *Satu perbuatan buruk dan keji; dan*
 - f) *Untuk mencegah daripada berlaku kerosakan terhadap agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dengan menutup pintu ke arahnya sejak awal lagi berdasarkan Kaedah Fiqhiyyah “Menutup pintu kerosakan”.*

2. *Mana-mana orang Islam adalah diharam dan dilarang daripada terlibat dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan apa-apa jenis rokok, shisha, vape dan rokok elektronik.*
3. *Mana-mana orang Islam adalah dilarang daripada bersubahat dalam melakukan mana-mana perkara yang dilarang dalam perenggan 2*

Dated 11 December 2019.

[JMNPP/(S)/1101/002 Klt.2 (13); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld.6]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti
State Government of Penang

اينكمن ۋەتىپىرىن اڭام اسلام
(نگري ۋولاو ۋېنىغ) 2004

فتوى دان ۋېبىطلىن فتوى

ئۇ منجالىكىن كواس يېغ دېرىكىن اولىيە سىكىش 48 اينكمن ۋەتىپىرىن اڭام اسلام (نگري ۋولاو ۋېنىغ) [اينكمن 2]، اتس ۋە كىن يېغ دېرىتowan اڭوچ، جاونتكواس فتوى نگري ۋولاو ۋېنىغ، مىبوات فتوى يېغ دېاتاکىن دالم جدوال.

ۋېبىطلىن

2. فتوى تىتىغ مروكوق يېغ دىسياركىن دالم ورتا كراجاءن. Pg.P.U.25. 18 نوفىمبىر 2004 دېطلىكىن منوروت كواس يېغ دېرىكىن اولىه سوبىسىكىش (1) 50 اينكمن 2.

جدوال

فتوى معناءي ۋەتىپىرىن اڭام اسلام، شيشا، فېيىق دان روکوق ايلېكترونىك

مشوارت جاونتكواس فتوى نگري ۋولاو ۋېنىغ بىلاغان 4/5 2013 دان بىلاغان 5/2018 تىلە مىبىنخۇڭىن معناءي ۋەتىپىرىن اڭام روكوق، شيشا، فېيىق دان روکوق ايلېكترونىك. فتوان ادالە سەرتى برايكوت:

1. بەهاوا مەھىيىت اف جوا جىنىس روکوق، شيشا، فېيىق دان روکوق ايلېكترونىك ادالە حرام درىي ۋەتىپىرىن اسلام كران:

(a) القرءان ملارغ ملاكۆكىن ۋېبىوان يېغ مىبماوا كەذ كېيىناساعەن سباڭايىان فرمان الله ﷺ دالم سورە البقرة ايات 195 يېغ بىرمقصود ”دان جااغلە كامو سعاج منچەقكەن دىرىي كامو كەنالىم بەھاىي كېيىناساعەن“؛

(b) رسول ﷺ جوڭ ملارغ درەز ملاكۆكىن ۋېبىوان يېغ مىبماوا كەذ كەمپىرىن ۋەتىپىرىن دان اورغ لاءىن سباڭايىان حىيث يېغ بىرمقصود: ”تىدق بولىيە مەمىھەن كەنالىم بەھاىي كېيىناساعەن“؛

(c) كەمپىرىن كەصىختىن؛

(d) مېدىرەن ماس دان هرتا؛

(e) ساتو ۋېبىوان بوروق دان كەجي؛ دان

(f) اونتوق منچەكە درەز بىرلاڭو كروسقۇن تەھادىف اڭام، جىوا، عقل، كىتەرۈن دان هرتا دەن منتوۋە ۋېننە كارەن سىق اول لاكى بىردا سىرەن قاىعە فەقەيە ”منتوۋە ۋېننە كروسقۇن“.

2. مان- مان اورغ اسلام اداله دحرام دان دلارغ درقد ترلييت دالم سموا اكتيفيني يئ بركاعيتن دعن اقا-اقا جنис روکوق، شيشا، ذيق دان روکوق ايليكترونيك.

3. مان اورغ اسلام اداله دلارغ درقد برسوباهت دالم ملاكون مان- مان ۋىكارا يئ دلارغ دالم فرغىن 2.

برتاریخ 11 دیسمبىر 2019
[JMNPP/(S)/1101/002 Klt.2 (13); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.6]

داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور

مۇقىي
كراجاون نىرىي ۋولۇ ۋېنىغ